



PERINCIAN PROGRAM RAKAN KERJASAMA



ACE The Place CC
MAEC



People's Association

DIKIR RAKYAT

Dikir Rakyat memperkenalkan bahasa Melayu melalui sebuah persembahan dikir barat, di mana para penonton akan dapat mengalami dan menghargai keindahan puisi dalam bahasa Melayu. Dalam segmen interaktif, para penonton akan dijemput untuk turut menyanyikan 'Wau Bulan' bersama para penghibur. Persembahan ini bertujuan untuk meningkatkan penghayatan terhadap budaya Melayu, sambil memperdalamkan pemahaman tentang bahasa Melayu.

ACE THE PLACE CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Kelab Masyarakat (CC) ACE The Place memainkan peranan penting untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.

A'art



SINGAPURA DILANGGAR TODAK

Singapura Dilanggar Todak merupakan sebuah bengkel dan persembahan teater interaktif khas untuk kanak-kanak. Ia berdasarkan kisah serangan ikan todak di Singapura. Acara ini bertujuan untuk memupuk minat kanak-kanak dalam seni teater. Ia juga menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai bentuk.

AWAL'LIYAH JA'FAR

Awal'liyah Ja'far beraspirasi untuk memberi motivasi dan inspirasi kepada kanak-kanak melalui persembahan teater interaktif yang menarik. Beliau juga ingin menggalakkan kanak-kanak untuk melibatkan diri dalam teater, dengan mencetuskan minat mereka terhadap seni ini.



DUIT! DUIT!

Dalam pertandingan ini, pendidikan celik wang akan diperkenalkan melalui sebuah permainan yang diinspirasi oleh permainan 'Monopoly' dan 'The Game of Life'. Berdasarkan konteks Singapura, peserta akan mempelajari konsep-konsep asas ekonomi dan transaksi dalam bahasa Melayu. Peserta yang meraih markah tertinggi akan berpeluang memenangi hadiah.

BIO DEW MANAGEMENT INTERNATIONAL & INSTITUTE (BDMI)

BDMI merupakan sebuah pertubuhan yang menyediakan kursus perkahwinan dan keluarga untuk orang ramai. Dengan pengalaman mereka yang melebihi 30 tahun, pengasas BDMI telah membantu ramai peserta untuk berhemah wang dan memperkukuhkan perkahwinan mereka.



MAECares
BISHAN TOA PAYOH GRC



People's Association

BULAN BAHASA @ BISHAN-TOA PAYOH

Buat pertama kali tahun ini, GRC Bishan-Toa Payoh akan menganjurkan sambutan sempena Bulan Bahasa. Program ini akan dikendalikan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Ia akan menampilkan pelbagai persembahan seperti dikir barat, kompang dan gamelan. Para pengunjung juga berpeluang untuk menyaksikan bacaan puisi, serta menyertai permainan-permainan yang diadakan.

BISHAN-TOA PAYOH GRC MAEC

Jawatankuasa-jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) di bawah naungan Bishan-Toa Payoh GRC bekerjasama dengan Kelab-kelab Masyarakat dan pertubuhan akar umbi untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.



PERTANDINGAN KOMPANG

Pertandingan Kompang ini bertujuan untuk meningkatkan penghargaan terhadap bahasa dan budaya Melayu. Para peserta berpeluang menggunakan kreativiti masing-masing untuk menulis senikata dalam bahasa Melayu. Lirik mereka harus bertemakan tema baharu Bulan Bahasa iaitu 'Cita. Citra. Cinta. Bahasa Kita.'. Para penonton juga dapat menikmati dan menghargai penggunaan puisi Melayu yang tersurat di dalam senikata yang ditulis.

BRADDELL HEIGHTS CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Kelab Masyarakat (CC) Braddell Heights memainkan peranan penting untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.



BULAN BAHASA – MEMBUDAYAKAN BAHASA

Dalam acara ini, pelajar-pelajar prasekolah akan menampilkan pelbagai persembahan termasuk tarian, nyanyian, bacaan puisi dan lakonan. Persembahan-persembahan ini bertujuan untuk mempamerkan kebolehan mereka dalam menggunakan bahasa Melayu. Para pengunjung juga boleh menambah ilmu pengetahuan mereka tentang budaya Melayu dengan menyertai aktiviti-aktiviti di reruai kegiatan, seperti melukis batik dan memakai sarong.

BUKIT PANJANG CC MAEC & NORTH WEST DISTRICT PCF SPARKLE TOTS

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Kelab Masyarakat (CC) Bukit Panjang memainkan peranan penting untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.

North West District PCF Sparkle Tots terdiri daripada pelbagai tadika dan pusat penjagaan kanak-kanak yang terletak di kawasan barat laut Singapura. Ia menggunakan pelbagai cara dan kaedah yang moden dalam pengajaran mereka. Ia bertujuan untuk menyediakan pendidikan prasekolah yang berpatutan dan bermutu tinggi.



DAPUR SEBAGAI FARMASI

Dalam bengkel ini, para peserta akan diperkenalkan kepada herba dan ramuan yang biasa digunakan oleh masyarakat Melayu. Bengkel ini bertujuan untuk menyebarkan kesedaran tentang manfaat-manfaat yang terdapat dalam herba-herba ini. Para peserta juga berpeluang untuk mempelajari cara menggunakan herba-herba untuk menyediakan jamu.

BY DEFINITION

By Definition ialah sebuah perusahaan sosial yang membuat penyelidikan, dan mengembangkan usaha-usaha dan menyediakan program-program melalui kerjasama bersama sekolah-sekolah, perusahaan dan badan-badan kemasyarakatan.



People's Association



VARIASI PERFORMING ARTS

PESTA CILIK TEMASEK 2019

Buat pertama kali tahun ini, Pesta Cilik Temasek akan dianjurkan untuk menggalak kanak-kanak menggunakan kreativiti dan imaginasi mereka melalui kembara seni dan permainan aktif. Pesta ini memberi ruang untuk keluarga berinteraksi sambil memupuk minat kanak-kanak dalam bidang seni, kesusasteraan dan bahasa. Para pengunjung juga boleh menonton persembahan-persembahan dan mengambil bahagian dalam reruai kegiatan yang disediakan. Acara kemuncak sambutan ini adalah sebuah pertandingan skit Melayu.

SEMBAWANG GRC MAEC

Jawatankuasa-jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) di bawah naungan Sembawang GRC bekerjasama dengan kelab-kelab masyarakat dan pertubuhan akar umbi untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.

VARIASI PERFORMING ARTS

Variasi Performing Arts ialah sebuah kumpulan seni yang ditubuhkan pada 2001. Kini, Variasi telah berkembang menjadi sebuah syarikat yang bertujuan untuk membantu seniman-seniman muda mengekspresikan diri melalui seni. Variasi juga menggabungkan aspek-aspek tradisional dan kontemporari seni persembahan Melayu termasuk teater, tarian dan muzik.



MESRA



People's Association

BULAN BAHASA 2019 – JOM BERCERITA “DONGENG DULU DAN SEKARANG”

Pertandingan ini diadakan untuk meningkatkan keyakinan diri para pelajar dalam kemahiran berpidato. Para pelajar akan menggunakan kreativiti mereka untuk melakonkan kisah-kisah rakyat Melayu dalam bahasa Melayu. Mereka akan diadili dari segi persembahan dan kemahiran bahasa.

CI YUAN CC MAEC DAN PUNGGOL PARK CC MAEC

Jawatankuasa-jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Kelab Masyarakat (CC) Ci Yuan dan Kelab Masyarakat Punggol Park memainkan peranan penting untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.



KREATIF PERIBAHASA

Kreatif Peribahasa ialah sebuah bengkel yang mencabar para peserta tentang pemahaman peribahasa mereka melalui lukisan, tulisan dan lakonan. Bengkel ini akan dimulakan dengan latihan asas dalam pertuturan dan lakonan.

ELEMENTS PICTURES

Elements Pictures telah menghasilkan kerja-kerja dalam pelbagai bentuk seni seperti lukisan, muzik, filem dan banyak lagi. Mereka juga pakar dalam latihan pertuturan dan lakonan untuk sekolah-sekolah.



TEATER KITA

Teater Kita merupakan sebuah pementasan teater untuk menggalakkan penggunaan bahasa Melayu melalui persembahan dan permainan. Kemuncak acara ini ialah pementasan 'Pak Pandir'. Para pengunjung juga berpeluang untuk menyertai permainan-permainan interaktif bahasa Melayu.

EUNOS CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Kelab Masyarakat (CC) Eunoz memainkan peranan penting untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.



KARNIVAL BAHASA DAN BUDAYA MELAYU FENGSHAN

Karnival Bahasa dan Budaya Melayu Fengshan akan menampilkan pelbagai persembahan, karya sastra dan aktiviti seni kulinari, seperti menganyam ketupat dan mengelim epok-epok. Acara ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan tentang bahasa dan budaya Melayu, terutamanya di antara golongan remaja Melayu di kejiranan Fengshan.

FENGSHAN CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Kelab Masyarakat (CC) Fengshan memainkan peranan penting untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.



RAKAN BAHASA CILIK

Rakan Bahasa Cilik akan melibatkan duta-duta bahasa Melayu prasekolah, di mana mereka akan menerangkan tentang alat-alat muzik tradisional Melayu dan bermain permainan bahasa Melayu bersama para pengunjung di Pelancaran Bula Bahasa 2019. Para pengunjung juga akan mempelajari tentang bahasa dan budaya Melayu di reruai kegiatan yang dikendalikan oleh duta-duta cilik ini.

PERSEMBAHAN DIKIR BARAT

Para pengunjung dapat menikmati persembahan dikir barat oleh pelajar-pelajar prasekolah. Mereka juga berpeluang untuk mempelajari penggunaan bahasa Melayu dalam lagu-lagu yang dipersembahkan.

ILHAM CHILD CARE

Ditubuhkan pada 2013, Ilham Child Care ialah sebuah pusat penjagaan kanak-kanak. Kemudahan-kemudahannya yang lengkap dan baik membantu mengekalkan suasana kekeluargaan di pusat tersebut. Ilham Child Care percaya dalam pengasuhan dan pembentukan pelajar-pelajar yang holistik dengan memberikan peluang pembelajaran yang sama kepada setiap pelajar.



SUARA JUARA

Suara Juara merupakan sebuah bengkel dan persembahan muzik dan teater yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman akan penggunaan bahasa Melayu dalam senikata dikir barat. Dimeriahkan oleh pelbagai kumpulan dikir barat tempatan, acara ini akan mengingatkan para penonton dengan persembahan lagu-lagu dikir barat yang terkenal daripada tahun 90-an. Para penonton pasti akan kagum dengan penggunaan bahasa Melayu dalam lirik dikir barat.

JUARA

JUARA merangkumi penyanyi dikir barat tempatan seperti Aqmal N., Elfee Ismail, Hakim Rohimin, Raja Razie, Rajis Sharif, Rifaah dan Rico Setiabudi. Ia bercita-cita untuk membaharui lagu-lagu klasik dikir barat dengan elemen kontemporari.



BULAN BAHASA @ JURONG

Bulan Bahasa @ Jurong bertujuan untuk mendedahkan masyarakat kepada bahasa Melayu dalam pelbagai bentuk. Acara ini akan menganjurkan pertandingan-pertandingan untuk para peserta dari semua peringkat umur. Ini termasuk pertandingan pantun dan nyanyian lagu rakyat Melayu untuk pelajar-pelajar prasekolah, pertandingan bercerita untuk pelajar-pelajar sekolah rendah, pertandingan melukis untuk pelajar-pelajar sekolah menengah dan pertandingan memasak untuk para dewasa. Para pengunjung juga dapat melawat reruai-reruai atau perpustakaan bergerak yang disediakan untuk menggalakkan kanak-kanak dan remaja-remaja untuk membaca.

JURONG GRC

Jawatankuasa-jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) di bawah naungan Jurong GRC bekerjasama dengan Jawatankuasa-jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Yuhua SMC dan Bukit Batok SMC serta pertubuhan akar umbi untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.



SIMFONI SENI VIII

Simfoni Seni VIII merupakan sebuah bengkel yang menggalakkan kreativiti dalam penggunaan bahasa Melayu melalui muzik dan penulisan lirik. Ard daripada kumpulan Bhumiband akan meriahkan lagi bengkel ini dengan mengajar para peserta tentang teknik-teknik dalam penulisan lirik. Awi Rafael, seorang penyanyi dan penggubah lagu, juga akan berkongsi panduan ketika menulis lagu.

JURONG GREEN CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Kelab Masyarakat (CC) Jurong Green memainkan peranan penting untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.



MESRA



People's Association

BERGERAK MASA BERSAMA BAHASA

Sempena tema baharu Bulan Bahasa, Bergerak Masa Bersama Bahasa ialah sebuah acara yang bertujuan untuk mengimbas kembali perkembangan bahasa Melayu sejauh ini. Duta Bahasa, Dyn Norahim, akan mengacarakan acara ini. Para pengunjung boleh menyaksikan persembahan-persembahan budaya oleh pelbagai sekolah. Mereka juga berpeluang untuk menyertai aktiviti-aktiviti seperti senaman zapin, iaitu tarian tradisional yang diubah dengan penambahan elemen kontemporari.

JURONG SPRING CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Kelab Masyarakat (CC) Jurong Spring memainkan peranan penting untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.




BULAN BAHASA @ KEAT HONG

Bulan Bahasa @ Keat Hong tahun ini akan merapatkan pertalian kekeluargaan sambil menggalakkan penggunaan bahasa Melayu.

Acara ini akan memaparkan lima stesen permainan bahasa yang harus disertai oleh para pengunjung. Pertandingan bakat 'Aku Juara' juga akan diadakan untuk meningkatkan keyakinan diri para peserta. Mereka harus membuat persembahan berdasarkan tema Bulan Bahasa, iaitu 'Cita. Citra. Cinta. Bahasa Kita.'. Mereka akan diadili dari segi nilai seni, sinopsis dan mutu persembahan mereka. Kemuncak acara ini ialah Konsert Bulan Bahasa, di mana lagu-lagu klasik dari tahun 80-an hingga kini akan dimainkan. Para pengunjung akan berpeluang untuk turut menyanyikan lagu-lagu ini mengikut lirik yang akan dipaparkan.

KEAT HONG CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Kelab Masyarakat (CC) Keat Hong memainkan peranan penting untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.



ONCE UPON A MINI RHYME – BENGKEL PANTUN

Once Upon A Mini Rhyme merupakan sebuah bengkel pantun bertujuan untuk memperkenalkan keindahan pantun kepada masyarakat. Dalam bengkel ini, pembicara undangan akan mengajar para peserta cara-cara menulis pantun dalam bahasa Inggeris, dengan menggunakan ciri-ciri asas pantun Melayu.

KELANA PANTUN TEMASEK

Kelana Pantun Temasek ditubuhkan pada 2017 oleh sekumpulan penggiat pantun Melayu. Mereka ingin meningkatkan pengetahuan dan memupukkan cinta terhadap pantun Melayu dalam kalangan masyarakat. Sejauh ini, mereka telah berjaya menjangkau kepada orang ramai melalui laman media sosial dan bengkel-bengkel anjuran mereka.



BENKEL ADAPTASI KARYA SASTERA KE SKRIN

Bengkel Adaptasi Karya Sastera Ke Skrin bertujuan menggalakkan penulis tempatan untuk mengadaptasi karya daripada kertas ke kaca televisyen.

Terdapat dua bahagian dalam acara ini. Yang pertama ialah dua sesi bengkel yang merangkumi pelbagai topik. Ini termasuk unsur-unsur utama yang memberi daya tarikan kepada sebuah cerita, membina kerangka skrip berdasarkan karya sastera pendek, asas penulisan skrip dan persiapan untuk sesi menjual skrip (*pitching*) kepada penerbit rancangan.

Dalam bahagian kedua, peserta berpeluang untuk mempersembahkan karya mereka kepada beberapa wakil syarikat penerbitan media yang diundang. Para pemenang berpeluang untuk menerbitkan karya mereka bersama syarikat tersebut.

KUMPULAN ANGKATAN MUDA SASTERA (KAMUS)

Kumpulan Angkatan Muda Sastera (KAMUS) ditubuhkan pada tahun 1989 oleh Dr Muhd Ariff Ahmad. Dengan cogan kata 'Ke Arah Perkembangan Pemikiran', KAMUS bergerak untuk memajukan penggunaan dan pengkayaan bahasa Melayu. KAMUS telah menjayakan kegiatan-kegiatan sastera seperti ceramah, forum dan bengkel penulisan sajak dan cerpen.



MESRA



People's Association

BAHASA MELAYU PADA ERA 1960-AN

Program ini bertujuan untuk menyebarkan tentang penggunaan bahasa Melayu dari tahun 1960-an hingga kini, melalui paparan filem dan seminar.

MARINE PARADE CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Kelab Masyarakat (CC) Marine Parade memainkan peranan untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.



BULAN BAHASA @ MARSILING

Bulan Bahasa @ Marsiling tahun ini bertujuan untuk menggalakkan penghargaan terhadap bahasa dan budaya Melayu. Pelbagai sekolah akan mengadakan aktiviti-aktiviti di ruai kegiatan. Ini termasuk memperkenalkan kuih-muih, tarian dan pakaian tradisional Melayu seperti sampung. Para pengunjung juga berpeluang untuk menyertai bengkel teater dan permainan pendidikan celik wang.

Selain itu, para pengunjung juga dapat menyaksikan persembahan-persembahan muzik genre yang berbeza dan tarian oleh sekolah-sekolah. Acara ini akan diakhiri dengan tayangan filem Melayu dengan sarikata dalam bahasa Inggeris.

MARSILING CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Kelab Masyarakat (CC) Marsiling memainkan peranan penting untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.



KELAB MEMBACA WIRA

Kelab Membaca Wira bertujuan untuk memupuk minat membaca dalam bahasa Melayu serta membina tabiat membaca yang baik dalam diri kanak-kanak. Ini dilakukan menerusi sesi-sesi bercerita berserta aktiviti-aktiviti seronok berdasarkan buku cerita yang dibaca.

KELAB MEMBACA ILHAM PUSTAKA

Kelab Membaca Ilham Pustaka terbuka kepada semua pencinta kesusasteraan Melayu. Para peserta akan membincangkan bersama-sama mengenai pelbagai aspek karya-karya terpilih yang dihasilkan penulis-penulis tempatan dan Nusantara.

SIRI BENGKEL PUSTAKA REMAJA

Para peserta akan menimba kemahiran mengemukakan pandangan secara beradab dan tersusun, menyampaikan hujah secara objektif, padat dan menyeluruh, daripada perspektif semua pihak dan menurut pertimbangan yang seimbang. Komentari terbaik menawarkan huraian yang boleh membuahkan tindakan untuk menyelesaikan isu yang menjadi keprihatinan. Bengkel ini sesuai untuk membimbing para peserta menghasilkan penulisan komentar di akhbar, media sosial dan bagi tujuan akademik.

SIRI CERAMAH ANJUNG WARISAN: MEMELIHARA WARISAN MENERUSI PENDOKUMENTASIAN KERJA PENGGALIAN SEMULA PUSARA

Ceramah oleh Puan Melor Ralif ini bertujuan mengetengahkan peranan kerja-kerja penggalian semula pusara di Singapura dalam memelihara warisan masyarakat kita. Pelbagai proses penggalian akan dikongsi dan bagaimana pengetahuan mengenai ilmu alam, botani, sejarah sosial dan psikologi turut membantu dalam pelaksanaannya. Tugas cermat mendokumentasikan segenap usaha ini memastikan warisan masyarakat kita tidak hilang dan dapat dimanfaatkan golongan mendatang dalam memelihara masa silam dan akar diri.

LEMBAGA PERPUSTAKAAN NEGARA

Lembaga Perpustakaan Negara (NLB) merupakan sebuah agensi di bawah naungan Kementerian Perhubungan dan Penerangan (MCI) yang menguruskan Perpustakaan Negara, 26 Perpustakaan Awam dan Arkib Nasional. Ia menggalakkan pembacaan, pembelajaran dan literasi maklumat dengan menyediakan perpustakaan dan perkhidmatan mendapat maklumat yang mudah ditelusuri, boleh dipercayai dan bertaraf global melalui Perpustakaan Negara dan perpustakaan-perpustakaan awam. Dengan menjalinkan perhubungan yang strategik untuk memupuk perkongsian ilmu, perpustakaan-

perpustakaan juga menggalakkan penghargaan dan kesedaran mengenai sejarah Singapura melalui pelbagai acara yang dianjurkan.





SEMARAK WARISAN @ NEE SOON

Semarak Warisan @ Nee Soon tahun ini diadakan sempena Pesta Kesihatan dan Keluarga. Acara ini bertujuan untuk menyatukan masyarakat sambil meningkatkan kesedaran tentang bahasa dan budaya Melayu, serta kehidupan yang sihat. Para pengunjung dapat menyaksikan persembahan-persembahan oleh selebriti-selebriti dan sekolah-sekolah. Mereka juga berpeluang untuk melawat reruai-reruai dan mempelajari tentang seni wayang kulit serta kuih-muih tradisional Melayu. Stesen kesihatan, pemeriksaan kesihatan dan makanan sihat juga akan diadakan.

NEE SOON GRC MAEC

Jawatankuasa-jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) di bawah naungan Nee Soon GRC bekerjasama dengan kelab-kelab masyarakat dan pertubuhan akar umbi untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.



JUARA SI CILIK

Peraduan nyanyian lagu-lagu rakyat ini dibuka kepada pelajar-pelajar peringkat sekolah rendah. Peraduan ini bertujuan untuk menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dalam bentuk menarik dan kreatif melalui persembahan lagu-lagu rakyat dan meningkatkan kesedaran para pelajar mengenai lagu-lagu rakyat. Para peserta dibenarkan untuk mencipta coretan dan mencipta pakaian tersendiri dalam usaha untuk menghiburkan para hadirin.

SEMINAR KATA SENIKATA

Seminar Kata Senikata bertujuan untuk menyebarkan tentang penggunaan bahasa Melayu dalam budaya popular. Seminar ini akan menampilkan panel penulis lirik dan komposer dari Singapura yang telah berjaya di Singapura dan Malaysia. Panel ini akan mempersembahkan lagu-lagu terkenal mereka dan berkongsi tentang proses penulisan lirik dan penyusunan muzik. Mereka juga akan membincangkan tentang perkara-perkara yang dapat membantu membuat sebuah lagu terkenal.

NUSANTARA WORLD MUSIC

Nusantara World Music menganjurkan pelbagai acara, persembahan dan pameran mengenai budaya dan seni Melayu. Sempena sambutan Bulan Bahasa, ia juga menghasilkan acara-acara seperti Konsert Malam dan peraduan tahunan Juara Si Cilik sejak 2013.



TAMSIL TELADAN TOKOH

Tamsil Teladan Tokoh memperkenalkan kisah-kisah legenda Melayu sambil menekankan nilai-nilai yang tertanam dalam cerita-cerita ini. Untuk mengikut serta, para pengunjung harus memilih kisah legenda berdasarkan tema yang berbeza. Setelah itu, mereka akan diberikan masa tiga minit untuk menyusunkan jalur cerita tersebut.

SEKOLAH MENENGAH ORCHID PARK

Sekolah Menengah Orchid Park (OPSS) ditubuhkan pada tahun 1999. Antara objektif Jabatan Bahasa Melayu di OPSS adalah untuk menghasilkan pembelajaran yang menarik yang boleh memikat hati para pelajar untuk lebih meminati bahasa Melayu. Selain itu, Jabatan Bahasa Melayu di OPSS juga berwawasan untuk mengenalkan beberapa strategi yang boleh diguna pakai oleh para pelajar untuk mencapai kecemerlangan dalam bahasa Melayu.



MESRA



People's Association

OPS BACA

Ops Baca merupakan sebuah pertandingan yang bertujuan untuk memupuk minat membaca di kalangan para pelajar. Pertandingan ini akan disertai oleh pelajar daripada sekolah rendah di daerah Pasir Ris. Setiap darjah akan diberikan tema khas untuk mereka ikuti.

PASIR RIS ELIAS CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Kelab Masyarakat (CC) Pasir Ris Elias memainkan peranan penting untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.



MALAM SASTERA PERBAYU 2019

Malam Sastera PERBAYU 2019 diadakan untuk menyerlahkan bakat kesusasteraan di kalangan para belia Melayu. Para peserta akan berpeluang untuk mempamerkan karya-karya asli mereka. Sebuah sesi perkongsian buku untuk para peserta mengetengahkan isu-isu berkenaan dengan masyarakat Melayu. Para pengunjung boleh menyaksikan persembahan-persembahan berdasarkan beberapa karya yang dihasilkan. Ini menunjukkan keserbabolehan bahasa dan kesusasteraan Melayu.

PERBAYU

Persatuan Bahasa dan Budaya Melayu NTU/NIE, atau lebih dikenali sebagai PERBAYU NTU/NIE, ditubuhkan untuk melestarikan bahasa dan budaya Melayu. PERBAYU berharap agar dapat menghasilkan para belia Melayu yang progresif dan moden, tetapi juga berpegang teguh kepada tradisi dan warisan mereka.



CINTA SILAT CINTA BAHASA

Para pengunjung boleh menyaksikan persembahan silat dan menyertai teka silang kata untuk mengetahui lebih tentang seni silat. Pengunjung dapat menyertai dan mempelajari gerak-geri asas yang menggunakan alat senjata seperti keris, parang dan tembong. Acara ini bertujuan untuk mempertahankan silat sebagai warisan yang mengekalkan seni dan bahasa Melayu.

PERGURUAN SILAT SENI GAYONG SINGAPURA

Perguruan Silat Seni Gayong Singapura merupakan sebuah perguruan berdaftar dan merupakan anggota Persekutuan Silat Singapura. Ia mendidik pesilat berdasarkan silabus Silat Seni Gayong yang pertama kali diperkenalkan di Singapura pada 1942. Perguruan ini aktif di kelab-kelab masyarakat. Ia dipimpin oleh guru-guru silat yang telah aktif sejak 45 tahun yang lalu.



CITA. CITRA. CINTA. BAHASA KITA.

Cita. Citra. Cinta. Bahasa Kita. ialah sebuah pementasan budaya dan sastera Melayu. Acara ini bertujuan untuk mempertahankan budaya Melayu melalui pementasan seni. Ia juga diadakan untuk menggalakkan dan mengasuh generasi muda dengan nilai-nilai tradisi budaya Melayu. Para pengunjung dapat menyaksikan pelbagai persembahan seperti tarian Melayu, bacaan puisi dan juga taridra.

PERKUMPULAN SENI

Pertemuan seniman daripada pelbagai bidang pada tanggal 8 Julai 1956 membawa kepada penubuhan Perkumpulan Seni, dengan tujuan untuk memperkembangkan dan memelihara keaslian dan nilai kesenian Melayu. Berlandaskan cogan kata 'Seni untuk Rakyat', Perkumpulan Seni juga bertujuan untuk membimbing dan membina pengertian seni dalam masyarakat. Selain daripada mementaskan persembahan dan menerbitkan buku, Perkumpulan Seni juga aktif dalam pelbagai kegiatan seni Melayu, seperti drama, tarian dan kesusasteraan, di dalam dan luar negara.



VIEW FROM MINANGKABAU: BENGKEL SASTERA

'View From Minangkabau' ialah sebuah bengkel sastera yang akan memperkenalkan para peserta kepada bentuk puisi Minangkabau seperti bakaba, maota, bakieh dan pepatah petitih. Peserta-peserta juga akan mempelajari cara-cara untuk mengekspresikan diri melalui genre sastera ini.

PERSATUAN MINANGKABAU SINGAPURA

Ditubuhkan pada 1994, Persatuan Minangkabau Singapura menyambut ulang tahunnya yang ke-25 tahun ini. Ia meletakkan kepentingan kepada inisiatif-inisiatif yang menyebarkan tentang budaya Minangkabau untuk berkongsi beberapa nilai-nilai budaya Minangkabau kepada masyarakat Singapura.



ACARA BULAN BAHASA PPIS 2019: MEMORI JALAN AMPAS

Memori Jalan Ampas menggalakkan pelajar-pelajar prasekolah untuk mempelajari bahasa dan budaya Melayu. Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan ialah sebuah pertandingan video di mana para peserta merupakan pelajar-pelajar K2 daripada PPIS Child Development Centres dan pusat Melayu/Islam yang lain. Mereka akan melakonkan kisah-kisah rakyat Melayu yang dihasilkan di Jalan Ampas. Tempat lima teratas akan berpeluang untuk memaparkan video rakaman mereka ketika acara ini. Piala akan diberikan kepada kumpulan juara dan naib juara. Para pengunjung juga berpeluang untuk menyaksikan persembahan oleh pelajar-pelajar tadika dan K1 dari pusat-pusat PPIS Early Childhood Education.

PPIS CHILD DEVELOPMENT CENTRE

PPIS Child Development Centre merangkumi tujuh pusat yang bekerjasama untuk mengadakan acara bagi Bulan Bahasa. Ia meletakkan kepentingan dalam pendidikan bahasa dan budaya Melayu, serta pembangunan watak bagi pelajar-pelajar mereka.

BINGKISAN NELAYAN

Para pengunjung akan diperkenalkan kepada kehidupan nelayan pada zaman dahulu. Reruai kegiatan Sekolah Sains dan Teknologi, Singapura ini menampilkan pelbagai replika alat-alat tradisional menangkap ikan. Para pelajar akan memperkenalkan istilah-istilah berkaitan dengan alat-alat tersebut serta teknik-teknik menangkap ikan yang digunakan. Para pengunjung juga akan diceritakan tentang cabaran dan pengorbanan nelayan-nelayan melalui pengkhayatan sajak.

SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI, SINGAPURA

Sekolah Sains dan Teknologi, Singapura (SST) merupakan sebuah Sekolah Bebas Khas yang menawarkan program empat tahun yang tersendiri bagi mempersiapkan pelajar yang bakal menduduki peperiksaan GCE peringkat 'O'. SST bertujuan untuk membekalkan para pelajar dengan asas yang kukuh dalam bidang akademik dan pembelajaran gunaan untuk membolehkan mereka cemerlang dalam pendidikan pos menengah.



SIS CUBA

Sis Cuba merupakan persembahan tarian interaktif di mana para penonton dapat menguji pengetahuan mereka dalam bahasa Melayu melalui permainan wadah berbilang media. Para penonton berpeluang untuk meningkatkan pengetahuan tentang budaya Melayu apabila melihat persembahan ini. Ia akan menunjukkan perubahan Geylang Serai dan pakaian tradisional Melayu daripada masa dahulu hingga sekarang.

NENEK (I) WATCH!

Nenek (I) Watch! merupakan sebuah persembahan tarian interaktif yang mengetengahkan kesinambungan antara teknologi dan budaya Melayu. Persembahan ini akan menceritakan tentang seorang cucu yang mengajar neneknya cara-cara menggunakan jam pintar. Para penonton juga dapat menyaksikan filem klasik Melayu seperti Bujang Lapok dan lagu-lagu seperti Tari Tualang Tiga.

SRIWANA

Sejak permulaan SRIWANA pada tahun 1950-an, Sriwana merupakan antara kumpulan seni dalam arena seni tempatan dan sarat dengan pengalaman and pencapaian yang bermanfaat untuk khalayak ramai. Sriwana terdiri daripada 30 sukarelawan dewasa dan 30 sukarelawan kanak-kanak dan merupakan badan tidak berasaskan keuntungan.

Bengkel tarian dan drama diadakan setiap tahun dalam usaha untuk memelihara dan melestarikan seni dan budaya Melayu. Kumpulan ini juga telah mengembara ke acara-acara tarian dan seni luar negara seperti China, Mongolia, Indonesia dan Malaysia.



People's Association

WAU! CINTAILAH BAHASA!

Wau! Cintailah Bahasa! bertujuan untuk mempromosikan identiti, warisan dan budaya Melayu sambil menggunakan bahasa Melayu. Para pengunjung berpeluang untuk menyertai aktiviti-aktiviti seperti membuat wau, bunga rampai dan ketupat. Mereka juga dapat mencuba menulis kaligrafi Arab dan melukis batik. Permainan-permainan bahasa dan tradisional seperti congkak, batu Seremban dan capteh juga diadakan untuk pelajar-pelajar turut serta.

TAMAN JURONG CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Kelab Masyarakat (CC) Taman Jurong memainkan peranan penting untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.



People's Association

GEMA SI CILIK

Peraduan ini dibuka kepada pelajar-pelajar prasekolah di kejiranan Tampines. Setiap kumpulan peserta akan diberi pilihan untuk mempersembahkan lagu-lagu klasik kanak-kanak seperti 'Bangau Oh Bangau', 'Chan Mali Chan', 'Jong Jong Inai', 'Lompat Si Katak Lompat', dan 'Tanya Sama Pokok'. Mereka akan diadili dari segi sebutan, kreativiti dan persembahan keseluruhan mereka.

TAMPINES CENTRAL CC MAEC, TAMPINES CHANGKAT CC MAEC, TAMPINES NORTH CC MAEC DAN TAMPINES WEST CC MAEC

Jawatankuasa-jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Kelab-kelab Masyarakat (CC) Tampines Central, Tampines Changkat, Tampines North dan Tampines West memainkan peranan penting untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.



People's Association

UJANA BAHASA DAN BUDAYA

Sempena pelancaran M3@Tampines, sambutan Bulan Bahasa @ Tampines ini bertemakan 'Ujana Bahasa dan Budaya' dan akan memaparkan persembahan-persembahan dan reruai-reruai kegiatan. Buat kali keenam tahun ini, pemenang pertandingan Gema Si Cilik akan diumumkan. Para pengunjung juga boleh menyaksikan pertandingan nyanyian tradisional dan bacaan puisi yang akan diadakan buat pertama kali. Acara ini akan diakhiri dengan sebuah konsert yang akan mementaskan pelbagai persembahan budaya dan bahasa Melayu.

TAMPINES GRC MAEC

Jawatankuasa-jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) di bawah naungan Tampines GRC bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Kelab-kelab Masyarakat dan pertubuhan akar umbi untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.



KENANG-KENANGAN SEORANG WANITA PEMALU

Kenang-kenangan Seorang Wanita Pemalu ialah sebuah persembahan teater yang menceritakan kisah seorang wanita pemalu bersama lelaki pujaannya, Karnaen. Persembahan ini bertujuan untuk menyebarkan kesedaran tentang penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai bentuk. Para pengunjung berpeluang untuk memahami nilai-nilai yang tersirat di sebalik kisah ini.

TEATER KAMI

Teater KAMi diasaskan pada 1989 oleh sekumpulan penggiat teater muda. Ia percaya bahawa teater sebagai wadah seni, merupakan satu alat pembelajaran yang paling berkesan dalam pendidikan dan kesedaran sosial. Dengan persembahan teater yang berasaskan perantaraan budaya dan pendidikan, Teater KAMi berharap untuk mengasuh generasi muda dengan nilai-nilai budaya sambil hormat-menghormati.



MESRA



People's Association

GEMILANG TARIAN CILIK 2019

Gemilang Tarian Cilik 2019 ialah sebuah pertandingan tarian tradisional Melayu yang ditujukan untuk menyemarakkan rasa cinta terhadap budaya Melayu. Acara ini memberi peluang untuk pelajar sekolah rendah mempamerkan bakat dalam tarian tradisional Melayu. Ia juga merupakan wadah untuk para pereka koreografi mencipta tarian baharu berdasarkan asas-asas tarian Melayu.

THE FRONTIER CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Kelab Masyarakat (CC) The Frontier memainkan peranan penting untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.



KECERDASAN BUDAYA MELALUI PERIBAHASA

Reruai kegiatan ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran tentang kepentingan peribahasa antara kalangan para pelajar. Melalui penggunaan aplikasi 'i-Movie', para pelajar akan mencipta jalan cerita yang menggambarkan makna sesuatu peribahasa. Video-video ini akan digunakan sebagai pakej pembelajaran yang menyokong kecerdasan budaya. Pakej ini akan merangkumi topik-topik seperti menghormati perbezaan dan menguruskan kepelbagaian.

SEKOLAH RENDAH WELLINGTON

Sekolah Rendah Wellington bercita-cita dan berusaha menjadi sebuah institusi cemerlang yang menyediakan pentas untuk pelajar-pelajar berdaya saing di persada dunia. Bagi melahirkan pelajar-pelajar sebagai pemimpin budaya, ia memberi inspirasi kepada pelajar-pelajar untuk menjadi individu yang berilmu dan bersemangat untuk berkhidmat kepada masyarakat melalui pelbagai wahana seperti Bulan Bahasa.



R.A.P. – RENTAK ALUNAN DAN PUISI

Rentak Alunan dan Puisi ialah malam persembahan oleh pelbagai artis dan kumpulan. Acara ini bertujuan mencetuskan minat dalam bahasa dan budaya Melayu di kalangan masyarakat. Para pengunjung akan berpeluang untuk menyertai aktiviti-aktiviti seperti melukis dan menyaksikan persembahan-persembahan seperti bacaan puisi, tarian, nyanyian dan dikir barat.

WISMA GEYLANG SERAI

Sejak sekian lama, Geylang Serai telah menyumbang kepada identiti nasional berbilang kaum kita yang bertenaga dan menjadi kebanggaan semua rakyat Singapura. Wisma Geylang Serai ditubuhkan sebagai sebuah hab yang menempatkan pelbagai badan Melayu/Islam, agensi sosial dan pemerintah di bawah satu bumbung. Ini membenarkan Wisma Geylang Serai menjadi hab sesuai untuk mengadakan pelbagai acara bagi memenuhi keperluan masyarakat Melayu.



People's Association

PESTA BULAN BAHASA 2019 – CITA, CITRA DAN CINTA

Pesta ini bertujuan untuk merapatkan pertalian kekeluargaan sambil menggalakkan penggunaan bahasa Melayu yang fasih. Para pengunjung berpeluang untuk menyertai pelbagai aktiviti interaktif di reruai kegiatan yang diadakan. Reruai-reruai ini bertemakan tempat-tempat yang berbeza seperti kedai runcit, tempat makan dan perpustakaan. Setiap reruai akan menampilkan permainan bahasa yang berlainan seperti permainan penjodoh bilangan dan peribahasa.

WOODLANDS CC MAEC DAN SEMBAWANG CC MAEC

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Woodlands dan MAEC Kelab Masyarakat (CC) Sembawang memainkan peranan penting untuk bantu membangunkan masyarakat setempat secara amnya, dan meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu secara khususnya dalam aktiviti dan kegiatan yang berunsurkan budaya dan bahasa Melayu.



LAIN HULU LAIN PARANG, LAIN DULU LAIN SEKARANG

Lain Hulu Lain Parang, Lain Dulu Lain Sekarang ialah sebuah pameran tentang perkahwinan Melayu pada zaman dahulu dan sekarang. Pameran ini disediakan oleh para pelajar untuk memupuk cinta terhadap bahasa dan budaya Melayu. Para pengunjung akan dapat menikmati maklumat grafik untuk memahami tentang perubahan yang telah berlaku, termasuk fesyen, makanan dan budaya Melayu. Mereka juga berpeluang untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang diadakan seperti membaca pantun dan menyediakan bunga rampai.

SEKOLAH MENENGAH YUSOF ISHAK

Sekolah Menengah Yusof Ishak dirasmikan pada tanggal Julai 1966. Visi Sekolah Menengah Yusof Ishak adalah untuk memupuk “Cendekiawan, Ahli Sukan dan Negarawan” dalam kalangan pelajar yang dapat mencontohi perwatakan Encik Yusof Ishak. Unit Bahasa Melayu sekolah ini juga aktif melibatkan para pelajar dalam program dan aktiviti-aktiviti seperti kuiz, drama dan mengambil bahagian dalam peraduan-peraduan agar dapat memupuk minat serta cinta para pelajar terhadap bahasa dan budaya Melayu.



Senarai Rakan Kerjasama:

1. ACE The Place CC MAEC
2. Awal'liyah Ja'far
3. Bio Dew Management International and Institute (BDMI)
4. Bishan-Toa Payoh GRC MAEC
5. Braddell Heights CC MAEC
6. Bukit Panjang CC MAEC dan North West District PCF Sparkle Tots
7. By Definition
8. Sembawang GRC MAEC dan Variasi Performing Arts
9. Ci Yuan CC MAEC dan Punggol Park CC MAEC
10. Elements Pictures
11. Eunoss CC MAEC
12. Fengshan CC MAEC
13. Ilham Child Care
14. JUARA
15. Jurong GRC MAEC
16. Jurong Green CC MAEC
17. Jurong Spring CC MAEC
18. Keat Hong CC MAEC
19. Kelana Pantun Temasek
20. Kumpulan Angkatan Muda Sastera (KAMUS)
21. Marine Parade CC MAEC
22. Marsiling CC MAEC
23. Lembaga Perpustakaan Negara (NLB)
24. Nee Soon GRC MAEC
25. Nusantara World Music
26. Sekolah Menengah Orchid Park
27. Pasir Ris Elias CC MAEC
28. PERBAYU
29. Perguruan Silat Seni Gayong Singapura
30. Perkumpulan Seni
31. Persatuan Minangkabau Singapura
32. PPIS Child Development Centre
33. Sekolah Sains dan Teknologi, Singapura
34. SRIWANA
35. Taman Jurong CC MAEC
36. Tampines Central CC MAEC, Tampines Changkat CC MAEC, Tampines North CC MAEC dan Tampines West CC MAEC
37. Tampines GRC MAEC
38. Teater KAMi
39. The Frontier CC MAEC
40. Sekolah Rendah Wellington
41. Wisma Geylang Serai
42. Woodlands MAEC dan Sembawang CC MAECs

43. Sekolah Menengah Yusof Ishak

